



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 80/2024

### PERTANDINGAN *AEROBIC DANCE* PERINGKAT KEBANGSAAN MENINGKATKAN TAHAP KECERGASAN SELURUH NEGARA

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan **Pertandingan *Aerobic Dance* Peringkat Kebangsaan** bertempat di **Pusat Membeli Belah Datum Jelatek** hari ini. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha KBS untuk memperkasakan pembangunan sukan kecergasan dalam negara.
2. Program ini bertujuan untuk:
  - (a) **meningkatkan kesedaran masyarakat** tentang kepentingan mengekalkan tahap kecergasan yang tinggi;
  - (b) **memperkenalkan sukan *Aerobic Dance*** dalam kalangan penggiat aktiviti kecergasan; dan
  - (c) **mendedahkan peserta kepada elemen-elemen yang diterapkan dalam *Aerobic Dance*** berdasarkan "*Code of Points*" yang ditetapkan di peringkat antarabangsa oleh FIG (Fédération Internationale de Gymnastique).
3. **Pertandingan *Aerobic Dance* telah bermula di peringkat negeri pada bulan Ogos 2024 dengan kerjasama Persatuan Sukan Kecergasan Malaysia (MAFA) telah mendapat penyertaan seramai 1,983 orang.** Pertandingan ini turut memberikan perhatian khusus kepada golongan wanita, selaras dengan hasrat Kementerian untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam sukan.
4. Seramai 300 orang atlet *Aerobic Dance* yang telah memenangi kategori masing-masing di peringkat negeri akan berkumpul untuk bertanding di peringkat kebangsaan. Pada tahun ini, terdapat **dua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Remaja** (bawah 17 tahun) dan **Kategori Dewasa** (18 tahun ke atas). Pemenang bagi setiap kategori di peringkat kebangsaan akan memenangi wang tunai seperti di **Lampiran A.**

5. Diharapkan usaha ini akan memperkukuh hasrat KBS untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat, selaras dengan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) dan kerangka Malaysia MADANI.
6. Untuk maklumat lanjut mengenai Pertandingan *Aerobic Dance* 2024, sila hubungi **Sekretariat JBSN** di talian **03-8871 3415** atau e-mel ke **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**17 November 2024**

LAMPIRAN A

**HADIAH PERTANDINGAN AEROBIC DANCE**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

BIL	KATEGORI	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA	KEEMPAT	JUMLAH
1.	Dewasa 18 tahun ke atas	4,000.00	3,500.00	3,000.00	2,500.00	13,000.00
2.	Remaja 17 tahun ke bawah	3,500.00	3,000.00	2,500.00	2,000.00	11,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>24,000.00</b>